

**KEGUNAAN DAN KEPUASAN PORTAL BERITA DALAM
KALANGAN PENDUDUK KAMPUNG TINUSA 2
SANDAKAN.**

SITI NURAIN BINTI TONY MUSTAPHA

BA19110992

LECTURE : DR LEE KUOK TIUNG

**KERTAS KAJIAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SYARAT SEBAHAGIAN DARIPADA KEPERLUAN IJAZAH
SARJANA MUDA SAINS SOSIAL DENGAN KEPUJIAN**



**PROGRAM KOMUNIKASI
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

2022

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
BORANG PENGAKUAN STATUS TESIS

JUDUL : KEGUNAAN DAN KEPUJASAN PORTAL BERITA DALAM KALANGAN
PENDUDUK KAMPUNG TINUSA 2 SANDAKAN.

IJAZAH : IJAZAH SARJANA MUDA SAINS SOSIAL

BIDANG : KOMUNIKASI

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.

4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan dimana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Siti Nurain

SITI NURAIN BINTI TONY MUSTAPHA

BA19110992

Disahkan Oleh,



ANITA BINTI ARSAD

PUSTAKAWAN KANAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

(Tandatangan Pustakawan)



(DR LEE KUOK TIUNG)

Penyelia

Tarikh: 12 Ogos 2022

PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

12 Ogos 2022

Siti Nurain



SITI NURAIN BINTI
TONY MUSTAPHA
BA19110992
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


PENGESAHAN

NAMA : **SITI NURAIN BINTI TONY MUSTAPHA**

NO. MATRIK : **BA19110992**

TAJUK : **KEGUNAAN DAN KEPUASAN PORTAL BERITA TERHADAP PENDUDUK KAMPUNG TINUSA 2**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL**



DISAHKAN OLEH:

UMS
Tandatangan
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



2. PENYELIA BERSAMA (Jika ada)

ABSTRAK

Tajuk Kajian ini adalah kegunaan dan kepuasan portal berita dalam kalangan penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti keperluan, kegunaan dan kepuasan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan. Dengan menggunakan teori Kegunaan dan Kepuasan sebagai teori kajian. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti keperluan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2, Untuk mengenalpasti kegunaan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 dan Untuk mengenalpasti kepuasan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2. Kaedah kajian yang ini menggunakan kaedah Kuantitatif. Kajian ini melibatkan 100 orang responden bagi membantu dalam menjawab soal selidik melalui *Google Form*. Sebelum itu, dijalankan Pilot Test seramai 30 orang responden untuk melihat sejauhmana kebolepercayaan soalan soal selidik tersebut. Dimana Pilot test dan analisis data bagi dapatan kajian akan dianalisis menggunakan *Statiscal Package For Social Science (SPSS)* dengan dinyatakan dalam bentuk min. semua dapatan kajian ini akan dibentangkan dalam bentuk carta pai dan jadual diikuti dengan huraian penjelasan.

Kata Kunci: Portal Berita, Teori Kegunaan dan Kepuasan, Pilot test, spss,

ABSTRACT .

The title of this Research Study is The Uses and Gratification of News Portal among the resident of Kampung Tinusa 2, Sandakan. This Study was Conducted to identify the Needs, Uses and Gratification of the News Portal towards the resident of Kampung Tinusa 2, Sandakan. By using the theory of Uses and Gratification as a research Theory. On this research there is state three objectives of this study which consist of First to identify the Needs of the News Portal for the resident of Kampung Tinusa 2, Sandakan Second to Identify the Uses of the News Portal for the resident of Kampung Tinusa 2, Sandakan and Third to identify the Gratification of the News Portal for the resident of Kampung Tinusa 2, Sandakan. This research method are using the Quantitative Method. Where this study involved 100 respondents to assist in answering the questionnaire through Google Form. The Google Form question were prepared based on the Objective of the research. Before the 100 respondent could answer that questionnaire a Pilot test was conducted by 30 respondents to see how reliable the Questionnaire was. Afterwards, the Pilot test and data analysis for the study findings will be analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) and stated in the form of mean. All the findings of this study will be presented in the form of pie chart and table followed by elaboration and explanation.

Key Wordsi: News Portal , Uses and Gratification Theory, Pilot Test, SPSS,

ISI KANDUNGAN

BAB	MUKA SURAT
TAJUK	I
BORANG PENGAKUAN STATUS TESIS	li
PENGAKUAN	lii
PENGESAHAN	lv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
ISI KANDUNGAN	
BAB 1(PENGENALAN)	
1.1 Pengenalan	1-2
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	4
1.4 Persoalan Kajian	5
1.5 Objektif kajian	5
1.6 Skop Kajian	5
1.7 Kepentingan Kajian	6
1.8 Kesimpulan	6
BAB 2 (SOROTAN LITERATURE)	
2.0 Pengenalan	7-8
2.1 Latar Belakang Teori	9
2.2 Sorotan Literatur	10-11
2.2.1 Keperluan	12-14
2.2.2 Kegunaan	15-16
2.2.3 Kepuasan	17-18
2.2.4 Demografi	19
2.3 Keperluan Portal Berita dalam kalangan penduduk Kampung Tinusa 2	20
2.4 Kegunaan Portal Berita dalam kalangan penduduk Kampung Tinusa 2.	21

2.5 Kepuasan Portal Berita dalam kalangan penduduk Kampung Tinusa 2.	22
2.6 Kerangka Teoritikal	23
2.7 Konseptual Teoritikal	24
2.8 Kesimpulan Bab	25
BAB 3 (METEDOLOGI KAJIAN)	
3.1 Pengenalan	26
3.2 Reka Bentuk Kajian	26
3.3 Lokasi Kajian	27
3.4 Kaedah Kajian	27
3.5 Instrumen Kajian	27-32
3.6 Teknik Pengumpulan Data	32
3.7 Teknik Analisis dan Persembahan Data	33
3.8 Persampelan Kajian	33
3.9 Populasi Kajian	34
3.10 Pilot Test/Kajian Rintis	34
3.11 Kesimpulan Bab	35
BAB 4(DAPATAN KAJIAN)	
4.1Pengenalan	36
4.2 Demografi Responden	37-41
4.3 Keperluan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan.	42-44
4.4 Kegunaan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan.	45-47
4.5 Kepuasan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan.	48-50
4.6 Kesimpulan Bab	51
BAB 5 (KESMPULAN)	

5.1 Pengenalan	52
5.2 Rumusan Dapatan Kajian	52
5.2.1 Dapatan Kajian Bagi Soal Selidik	52-54
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	55
5.3.1 Perbincangan Berdasarkan Persoalan Kajian.	55-57
5.4 Limitasi dan Keterbatasan Kajian	58
5.4.1 Masa	58
5.4.2 Kewangan	58
5.4.3 Sumber	59
5.5 Cadangan Kajian Masa Depan	59
5.6 Kesimpulan	60
Rujukan	61-63
Lampiran A	64
Lampiran B	65



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BAB 1

1.1.PENGENALAN

Portal berita merupakan medium komunikasi dalam talian yang dibaca di seluruh dunia oleh pengguna Internet dan media sosial. Yang mana Portal Berita merujuk kepada suatu media massa berbentuk web yang bertujuan untuk menyampaikan dan memberi maklumat mengenai isu-isu semasa yang berlaku di dalam atau luar negara secara digital. Kewujudan Portal Berita ini bermula sejak kemunculan Internet di Malaysia pada Tahun 1998 yang telah memberi kesan kepada perubahan bentuk kewartawanan daripada konvensional kepada Digital. Portal berita ini tidak hanya menyajikan berita berdasarkan laman web sahaja namun turut disajikan dengan menggunakan platform media sosial yang popular iaitu Facebook, Instagram, dan Youtube. Hal ini kerana, seiring berjalannya waktu kepesatan teknologi semakin berkembang maju sehingga mengubah corak landskap teknologi media. Jika sebelum ini untuk masyarakat mendapat maklumat melalui akhbar cetak tetapi sekarang boleh diperolehi daripada Portal Berita. Misalnya sesuatu berita yang disiarkan di Surat Khabar merupakan berita yang berlaku semalam tetapi dengan adanya media sosial dan Portal Berita, berita atau maklumat yang akan disiarkan adalah bersifat terkini, *Up to Date* dan boleh dikemaskini dari masa ke masa.

Portal Berita yang diketahui sifatnya memberi kebaikan dan kemudahan kepada pembacanya. Hal ini kerana, dengan adanya portal berita ini ia boleh menjimatkan masa pembaca. Daripada keluar rumah untuk pergi ke kedai hanya untuk membeli surat khabar, kini anda semua boleh mengakses laman web Portal Berita untuk mengetahui info dan maklumat terkini dengan lebih cepat dan pantas. Pembaca tidak perlu lagi menunggu hari esok untuk mendapatkan Berita dan maklumat, cukup dengan adanya telefon pintar dan Internet sudah pasti anda dapat mendapatkan berita. Maklumat yang diperolehi melalui Portal Berita ini juga meliputi pelbagai Kategori. Setiap Portal Berita pastinya mempunyai kandungan berita yang berbeza. Antara kategori yang terdapat dalam Portal Berita adalah mengenai Politik, Jenayah, Dunia, Hiburan, Sukan, Rancangan dan Gaya Hidup. Oleh itu sudah pasti ia memudahkan pembaca untuk membaca atau mengetahui maklumat mengenai kategori yang diinginkan. Minat dan sasaran setiap orang berbeza dalam mendapatkan maklumat, ada yang ingin mengetahui tentang isu hiburan, politik dan sebagainya.

Sejak Kemunculan Internet di Malaysia pada Tahun 1998 telah merubah bentuk dunia kewartawanan daripada konvensional kepada digital. Namun perubahan ini tidaklah berlaku secara pantas sehinggalah pada masa kini dilihat Industri Surat Khabar atau konvensional di Malaysia semakin Suram. Hal ini kerana, kesan daripada perubahan bentuk berita iaitu kepada portal berita penjualan surat khabar semakin perlahan dan berkurang. Menurut Tan Sri Johan Jaaffar (2019) Industri surat Khabar kini diibaratkan seperti industri senja yang sedang menuju ke penamatnya. Dunia kewartawanan yang kini telah beralih kepada bentuk digital menyebabkan para wartawan untuk bersedia dengan kemahiran dalam pelbagai platform media sosial untuk memenuhi konsep Portal Berita. Menurut (Esther Ng, 2019), badan media perlu menyesuaikan diri dengan trend semasa dan tidak hanya fokus kepada percetakan dan berita atas talian tetapi pada platform yang ada pada hari ini.

Pada masa kini masyarakat lebih memilih untuk membaca berita secara atas talian kerana mudah untuk mendapat maklumat dan dapat mengikuti perkembangan semasa melalui media baharu. Menurut (Mior Kamarul Shahid, 2015), masyarakat masa kini mengiktiraf media baharu sebagai gaya hidup moden. Namun kesan daripada kemajuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi kebanyakan akhbar yang sebelum ini mengeluarkan akhbar cetak telah beralih kepada versi digital atau Portal Berita. Menurut Esther Ng (2019) terdapat media cetak yang mengalami kebangkitan semula dan berita yang disampaikan mereka dalam bentuk berbeza, lebih dalam dan analitikal iaitu perubahan kepada bentuk digital. Adanya media industri lain yang telah bergerak pantas mendepani gelombang perubahan yang dipengaruhi kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi terhadap corak berita, badan media juga perlu menyesuaikan diri dengan trend semasa, tidak hanya memfokuskan kepada percetakan tetapi kepada platform yang ada pada hari ini. Antara Portal Berita yang terdapat di Malaysia adalah Malaysiakini.com, Sinarharian, The star, Utusan, Hmetro, Themalaysianinsider, Bharian, Kosmo, Astro Awani,

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sejak Kemunculan Internet di Malaysia pada Tahun 1998 telah merubah bentuk dunia kewartawanan daripada konvensional kepada digital. Akhbar online atau dikenali sebagai akhbar digital merupakan satu pembaharuan yang berlaku di negara kita disebabkan oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi. Akhbar ini telah merubah corak pemberitaan dimana sebelum ini akhbar berita adalah berbentuk akhbar cetak. Namun akhbar cetak ini dilihat semakin kurang sambutan dan permintaan disebabkan kemunculan Portal Berita Menurut (Lowrey & Shan, 2016; Mchesney, 2016; Pew Research Centre 2017) umum mengetahui betapa akhbar versi cetak mengalami kemerosotan sirkulasi di seluruh dunia. Kehadiran akhbar online ini banyak memberi manfaat kepada semua orang, dimana ia mempengaruhi media sosial sebagai platform penerbitan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1.3 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan Tajuk Kajian iaitu mengenai Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita dalam Kalangan Penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan. Umum mengetahui bahawa Portal Berita memberikan kesan yang baik kepada para pembaca berita dan semua orang kerana sifatnya yang mudah dan pantas dalam menyampaikan maklumat. Walaubagaimanapun, Portal Berita ini mempunyai kesan negatif dan cabaran terhadap pembaca. Menurut (Garrison, 1996) mengatakan kedatangan teknologi komunikasi baharu (NCT) telah mewujudkan satu set peluang dan cabaran untuk kerjaya media tradisional kewartawanan kerana kebanyakan maklumat di dunia kini boleh didapati melalui teknologi komputer. Antara kesan negatif Portal Berita adalah terdedah dengan maklumat atau berita palsu. Menurut (Skovgaard, 2014) maklumat yang disediakan dan dikongsi adalah berdasarkan permintaan kehendak pembaca walaupun ia cerita atau maklumat yang tidak jelas. Akibatnya, banyak masyarakat akan mempercayai dan tertipu dengan berita palsu tersebut. Menurut (Dr Nurrianti Jalli, 2019) penularan berita palsu dapat dilihat sebagai masalah serius yang berisiko menggugat keamanan dan keselamatan negara. Berita palsu atau tidak tepat akan dikongsi oleh pembaca yang kurang celik dalam memproses maklumat atau pihak yang menipu untuk mengaut keuntungan mudah, namun juga dilakukan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab sebagai Langkah komunikasi strategik. Menurut (Dato Dr Yusof Ahmad, 2017) penyebaran berita palsu ini dilihat sebagai perang saraf media yang boleh dilihat di seluruh dunia ketika kempen pilihan raya.

Seterusnya, kewujudan Portal Berita juga dilihat telah menggantikan media cetak iaitu Akhbar sebagai medium informasi yang baharu. Menurut (Bill Gates, 1998) penerbitan internet akan menggantikan secara bercetak. Dan itu apa yang berlaku pada masa kini benar-benar terjadi. Dimana permintaan akhbar *Online* lebih tinggi berbanding akhbar cetak. Perkara ini boleh dilihat daripada laporan berita Malaysiakini menyatakan bahawa penutupan 4 buah akhbar Malaysia dalam tempoh dari kurang setahun menimbulkan persoalan tentang kelangsungannya dan relevannya dalam industri media cetak di negara kita. Antara akhbar yang tutup ialah akhbar *The Malay Mail*, akhbar Tamil Nesan, akhbar Utusan Malaysia dan Kosmo!. Menurut (Tan Sri Johan Jaaffar, 2019), industri media cetak ini mempunyai masa depan yang malap, sukar dan tidak menentu.

1.4 Persoalan Kajian

- I.** Apakah Keperluan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan.
- II.** Apakah Kegunaan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan.
- III.** Apakah Kegunaan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan.

1.5 Objektif Kajian.

- 1.** Untuk mengenalpasti keperluan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2.
- 2.** Untuk mengenalpasti kegunaan Portal Berita terhadap penduduk Kampung Tinusa 2.
- 3.** Untuk mengenalpasti kepuasan yang diperolehi oleh penduduk Kampung Tinusa 2 daripada penggunaan Portal berita

1.6 .Skop Kajian.

Lokasi kajian ini bertempat di Kampung Tinusa 2 Sandakan, Sabah. Sandakan dikategorikan sebagai kawasan berpenduduk padat kerana mempunyai jumlah penduduk melebihi 200 ribu orang. Sebab saya memilih lokasi kajian ini adalah lokasi ini iaitu Kampung Tinusa 2 merupakan tempat yang mempunyai ramai penduduk yang berbilang bangsa. Oleh itu, pasti mudah untuk saya membuat kajian di lokasi ini . Responden kajian ini adalah berfokus terhadap penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan.

1.7 Kepentingan Kajian.

Kepentingan kajian ini adalah, agar ia dapat memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada golongan pembaca terutamanya masyarakat tentang Portal Berita sebagai medium informasi maklumat. Seterusnya kajian ini juga boleh dijadikan rujukan atau panduan oleh pelajar atau pengkaji lain yang ingin mengkaji mengenai tema kajian ini. Diharap kajian ini dapat membantu semua orang mendapat pengetahuan tentang tajuk kajian ini.

1.8 Kesimpulan

Dalam Bab 1 ini mengandungi Pengenalan, Latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, skop kajian dan kepenyingan kajian. Oleh itu bab seterusnya iaitu Bab 2 akan menerangkan mengenai Sorotan Literatur.



BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.0 PENGENALAN

TEORI

Dalam menjalankan penyelidikan teori merupakan satu perkara penting yang perlu ada. Hal ini kerana, teori ini merupakan alat yang digunakan untuk menganalisis masalah kajian. Menurut Kerlinger (1986) Teori merupakan suatu set konsep yang saling berkait dan dapat menjelaskan fenomena dengan mengenalpasti perkaitan antara pembolehubah yang sesuai. Teori juga membantu kita mengawal persekitaran kerana ia membimbing pilihan tingkah laku kita, memberitahu kita perkara yang mungkin dilakukan atau dikatakan oleh orang lain dalam situasi tertentu. Oleh itu, Teori yang dapat dikaitkan dalam kajian ini adalah Teori Kegunaan dan Kepuasan (Uses and Gratification Theory).

Hal ini kerana, teori ini dijelaskan sebagai pendekatan untuk memahami mengapa dan bagaimana orang secara aktif mencari media tertentu untuk memenuhi keperluan tertentu. Teori ini juga merupakan pendekatan terbaik bagi memahami media massa. Secara umum teori ini bertujuan untuk memahami tentang motif individu menggunakan suatu media dan bagaimana keperluan dan kepuasannya dapat dipenuhi melalui penggunaan tersebut. Teori ini mengandaikan bahawa audien bukanlah pengguna media yang pasif. Sebaliknya, mereka mempunyai kuasa untuk mentafsir dan mengintegrasikan media ke dalam kehidupan. Antara andaian lain dalam teori ini ialah audien diandaikan sebagai pengguna media yang aktif dan berorientasikan dalam menggunakan media, dan media bersaing dengan media yang lain dalam memberi kepuasan kepada audien. Seperti dalam kajian ini dimana masyarakat menjadikan media sosial yang mewujudkan Portal Berita sebagai sumber untuk mendapatkan maklumat. Hal ini kerana, kewujudan media sosial memudahkan mereka mendapatkan maklumat dengan cepat dan menjimatkan masa. Oleh itu dapat dilihat kemajuan teknologi telah membawa perubahan corak berita iaitu daripada akhbar cetak kepada Portal Berita. Menurut Katz, Blumber dan Gurevitch (1974), Teori ini menunjukkan pengguna bertanggungjawab memilih media bagi memenuhi keperluan

mereka disamping menunjukkan penggunaan media sebagai memenuhi kepuasan. Oleh itu teori Kegunaan dan Kepuasan ini digunakan dalam kajian yang akan dijalankan yang bertajuk Kegunaan dan Kepuasan penggunaan Portal Berita dalam kalangan penduduk Kampung Tinusa 2 Sandakan.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.1 Latar Belakang

Teori Kegunaan dan Kepuasan ini telah diciptakan oleh Elihu Katz dan Jay Blumberg pada tahun 1974 dalam artikelnya yang bertajuk Penggunaan Komunikasi Massa: Perspektif semasa penyelidikan Gratifikasi yang menumpukan perhatiannya kepada peranan pengguna media. Teori ini pada mulanya diperkenalkan untuk memahami mengapa orang ramai memilih untuk menggunakan pelbagai bentuk media yang ada pada tahun 1940. Teori ini juga telah dibangunkan daripada beberapa teori komunikasi dan penyelidikan terdahulu yang telah dijalankan oleh ahli-ahli teori yang lain. Untuk beberapa dekad lalu Penyelidikan mengenai Kegunaan dan Kepuasan kebanyakannya tertumpu kepada kepuasan yang dicari oleh pengguna media. Dan pada tahun 1970 para penyelidik mengalihkan perhatian mereka kepada hasil penggunaan media dan keperluan sosial serta psikologi media.

Pada masa ini, Teori Kegunaan dan Kepuasan ini bergantung kepada dua andaian media. Dimana andaian tersebut adalah pengguna sebagai ahli media yang aktif. Dimana dari andaian ini orang ramai tidak menggunakan media secara pasif tetapi mereka terlibat dan bermotivasi dalam pemilihan media mereka. Bagi andaian kedua merujuk kepada pengguna media yang lebih mengetahui sebab mengapa mereka memilih media yang tertentu dan berbeza. Mereka bergantung pada pengetahuan mereka tentang motivasi mereka untuk membuat pilihan media yang akan membantu mereka memenuhi kehendak dan keperluan mereka.

Apabila teknologi media terus berkembang, penyelidikan tentang teori kegunaan dan kepuasan adalah lebih penting berbanding sebelum ini. Hal ini kerana ia adalah untuk memahami motivasi orang ramai mengapa mereka memilih media dan kepuasan yang mereka perolehi.

2.2 SOROTAN LITERATURE

Terdapat beberapa pengkaji telah menjalankan kajian mengenai Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita dan hasil kajian menunjukkan kewujudan portal berita dapat memberikan kemudahan kepada para penggemar pembaca berita untuk mendapatkan maklumat tentang isu-isu semasa dengan lebih cepat dan pantas. Hal ini kerana kesan daripada kemajuan Internet sekaligus perkembangan media sosial telah memberi perubahan kepada corak penyampaian berita yang lebih mudah iaitu kepada Portal Berita.

Kajian lepas menyatakan bahawa kewujudan Portal Berita dijadikan sebagai sumber maklumat bagi masyarakat dalam kalangan wartawan digital (Picard, 2003). Hal ini kerana, menurut A. Muis (2001) petunjuk sesuatu masyarakat itu maju adalah berdasarkan sistem komunikasinya iaitu penggunaan media massa iaitu Portal Berita yang hanya diakses melalui media sosial oleh itu, semua maklumat yang ingin diketahui dan proses komunikasi dapat dilakukan dengan mudah dan cepat kerana Portal Berita dilihat lebih berkesan dalam menyampaikan maklumat disebabkan keantasannya lebih baik berbanding akhbar cetak.


Menurut Ariffin (2013), Kemunculan Media Baru ini dilihat sejalan dengan perkembangan audiens yang semakin dinamik dalam mencari maklumat di media massa. Perkara ini dapat dilihat apabila pada masa kini para pelajar di institusi tinggi menjadikan media baharu sebagai cara untuk membantu mereka mencari maklumat dalam proses pembelajaran.

Menurut Kurniati (2020), Jika dahulu masyarakat ingin mengetahui sesuatu maklumat, mereka hanya menggunakan sumber telekomunikasi untuk mengetahuinya. Namun sekarang seiring dengan kemajuan teknologi dan internet semua maklumat dan proses komunikasi dapat dilakukan dengan mudah dan pantas. Ditambah lagi dengan kewujudan media-media sosial dijadikan sebagai platform untuk mendapatkan maklumat dan informasi. Armenakis et al. (2018) menyokong bahawa berita media itu mewujudkan konteks sosiobudaya dimana pengguna memenuhi maklumat mereka dan keperluan interaktif.

Kegunaan dan Kepuasan Portal Berita juga dapat dilihat menurut Fillmore (1994), bahawa alat berkomputer seperti pemprosesan perkataan, penyusunan huruf berkomputer, teknologi pengeluaran dan desktop penerbitan telah membawa kecekapan yang lebih tinggi dalam bilik berita dan mengubah peranan editor dan akhbar. Menurut Williams dan Nicholas (1999) mencadangkan bahawa akhbar versi web ini menawarkan potensi untuk kesediaan ruang yang tidak terhad secara perbandingan tetapi membenarkan lebih besar liputan berita.

Menurut Mueller & Kamerer (1995), satu siasatan awal mendapati bahawa akhbar internet lebih disukai oleh pembaca untuk maklumat dunia dan akhbar tradisional lenih disukai untuk berita tempatan. Jelas menunjukkan kesungguhan wartawan mengambil medium baharu dan berusaha untuk menarik minat pembaca dalam talian. Hal ini kerana, Internet menawarkan banyak keupayaan penerbitan termasuklah menyampaikan maklumat yang terkini serta menawarkan ciri interaktiviti dan menjangkau lebih ramai lagi pembaca.

Oleh itu dapat disimpulkan akhbar cetak mahupun Portal Berita adalah sama. Hal ini kerana, kedua-dua memainkan peranan yang sama iaitu sebagai medium untuk menyampaikan maklumat kepada orang awam dan masyarakat. Hanya ciri dan sifat sahaja yang membezakan mereka.



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2.2.1 Keperluan

Menurut Katz, Gurevitch & Haas (1973) Dalam Keperluan ini terdapat 5 kategori keperluan yang boleh memberikan kepuasan dan keperluan terhadap manusia. Antara 5 keperluan tersebut merangkumi Kognitif, Afektif, Integratif Peribadi, Integratif sosial dan Keperluan Bebas.

Keperluan Kognitif

Kognitif merujuk kepada Proses memperoleh pengetahuan melalui maklumat yang diterima oleh persekitaran atau pembelajaran. Menurut Ruggiero (2000), Kognitif merujuk kOleh itu, dengan kehadiran Media ini ia telah memberi pengaruh kepada keperluan Kognitif. Hampir semua orang menggunakan media untuk memperoleh pengetahuan, maklumat yang benar, fakta dan lain-lain. Dalam kalangan audien terdapat sesetengah individu yang menginginkan ilmu pengetahuan intelek dan akademik. Perkara ini bukanlah perkara yang biasa. Hal ini kerana, setiap orang mempunyai pelbagai dan berbeza keperluan. Misalnya, Rancangan yang disiarkan di televisyen iaitu mengenai program kuiz. Tujuan Kuiz itu dilakukan untuk memberi pengetahuan yang benar dan fakta kepada penonton. Bagi memperoleh berita mengenai isu-isu semasa orang ramai bolehlah menonton berita. melalui berita tersebut menyediakan maklumat mengenai apa yang berlaku di persekitaran kita. Sudah pasti pengguna media akan menggunakan media mengikut pilihan mereka agar dapat memberikan kepuasan terhadap mereka.

Keperluan Afektif

Afektif merujuk kepada perasaan yang dialami oleh seseorang yang mana ia termasuk emosi dan perasaan. Menurut (Krawthol 1964) Afektif merujuk kepada perasaan dan emosi seseorang serta sikap, minat atau nilai hidup seseorang. Media juga boleh mencetuskan emosi, misalnya emosi seperti kegembiraan, ketakutan, kemarahan, nafsu dan ketawa serta media boleh digunakan untuk keperluan peribadi. Hal ini kerana, kewujudan media mempengaruhi emosi orang ramai apabila mereka. Media juga boleh digunakan untuk mengawal perasaan individu. Perkara ini boleh dilakukan apabila mereka berasa tertekan atau ingin merasa tenang melepaskan masalah yang dihadapi dengan bersantai sambil mendengar muzik melalui platform

media sosial, menonton televisyen atau melakukan perkara lain seperti bermain Game yang terdapat di Internet. Diharap dengan cara itu dapat membantu mengurangkan atau menenangkan hati mereka. Dengan memahami cara menangani stress atau masalah yang dihadapi dalam keadaan emosi yang tidak stabil adalah sangat penting dan Keperluan ini dilihat membantu manusia untuk mengurangkan keadaan emosi yang tidak stabil kerana dapat memberikn kepuasan kepada mereka.

Keperluan Integratif Peribadi

Menurut Stafford et al., (2004) Keperluan ini sangat penting dalam kehidupan manusia kerana ia menyentuh perasaan dalaman mereka. Dalam Integratif Peribadi ini ia merangkumi elemen Kognitif dan Afektif yang mana merujuk kepada pengukuhan kredibiliti, rasa hormat, status, keyakinan dan kestabilan. Keperluan yang berkaitan dengan Harga diri dan penghormatan dianggap sebagai keperluan integrative peribadi. Hal ini kerana, media membantu untuk mengubah dan mempengaruhi audiennya. Dimana ia mempengaruhi orang ramai untuk memilih menggunakan platform media yang berbeza untuk memperoleh atau mendapatkan kredibiliti serta meningkatkan status sesama mereka. Misalnya mereka memilih untuk menonton televisyen yang mempunyai Iklan sesuatu produk sudah pasti iklan tersebut dapat menarik minat penonton untuk memilikinya. Dengan itu, melalui televisyen tersebut penonton dapat memiliki barang yang telah disiarkan sekaligus dapat penghormatan di kalangan rakan-rakan kerana mengagumi mereka.

Keperluan Integrasi Sosial

Keperluan ini merujuk kepada setiap orang ataupun individu untuk bergaul dengan orang lain seperti Keluarga, rakan dan menjalin hubungan dengan orang lain yang merangkumi masyarakat. Pergaulan ini boleh terjalin dengan adanya media. Sejak daripada wujudnya media sosial di dunia ini sudah pasti ia menjadi medium untuk orang ramai berkomunikasi walaupun dengan jarak yang jauh. Dimana pada masa kini orang ramai telah menggunakan media untuk bersosial dan berhubung atau berinteraksi antara satu sama lain melalui laman media sosial seperti Facebook, Twitter, Whatsapp dan lain-lain. Hal ini kerana, platform media yang berbeza dapat menjadikan audien untuk memilih media mana yang mereka ingin gunakan untuk bersembang dengan Keluarga, rakan secara maya. Dengan adanya integrasi sosial ini kita juga dapat bertukar-tukar pendapat serta berkongsi maklumat yang kita ketahui kepada mereka. Oleh itu, dapat kita lihat bahawa media sosial merupakan satu medium terpantas dan mudah untuk bersosial dengan orang lain tanpa perlu untuk berjumpa kerana ianya boleh dilakukan secara atas talian.

Keperluan Bebas

Setiap orang mempunyai cara yang berbeza-beza dalam menangani masalah atau tekanan yang dihadapi. Hal ini kerana, sudah pasti masalah yang dihadapi juga berbeza daripada yang lain. Oleh itu dengan adanya media pengguna sudah pasti mempunyai media tertentu yang akan dipilih untuk dijadikan sebagai kesembuhan terhadap mereka. Walaupun kewujudan media ini tidaklah dapat menghilangkan atau menyelesaikan masalah namun ia dapat membantu mengalihkan fikiran serta berehat sebentar. Masalah yang dihadapi boleh jadi disebabkan oleh pertengkaran antara rakan, keluarga dan lain-lain. Maka dengan itu, diri sendirilah yang menentukan cara untuk menangani masalah yang dihadapi menggunakan media yang menyediakan pelbagai platform untuk keperluan diri. Contohnya, media yang boleh dijadikan sebagai keperluan bebas adalah mendengar Radio, berbual atau bersembang secara atas talian, menonton televisyen, mendengar lagu dan lain-lain.

2.2.2 Kegunaan

Pencarian Maklumat

Berbalik dengan tajuk kajian mengenai Portal Berita, Umum mengetahui bahawa Portal Berita merupakan satu medium yang menyediakan informasi maklumat. Di mana dalam kandungan Portal Berita menyediakan Laporan berbentuk Politik, Jenayah, Dunia, Hiburan, Sukan, Rancangan dan Gaya Hidup. Portal Berita yang bersifat terkini iaitu yang menyajikan berita secara terus. Individu yang menggemari berita sudah pasti akan menanti-nantikan setiap info-info semasa yang berlaku samada di dalam negara mahupun luar negara. Sifat portal berita yang menyajikan berita yang *Up to Date* ditambah lagi dengan kepantasannya menyampaikan berita semasa menjadikan portal berita menjadi pilihan orang ramai sebagai sumber maklumat yang baharu.

Bersosial

Portal Berita juga tidak terhad kepada laman Web sahaja, malah ia juga turut dikongsikan melalui laman-laman sosial seperti Facebook, Instagram dan Youtube. Setiap portal berita pastinya mempunyai Akaun media sosial tersebut untuk mereka berkongsikan maklumat-maklumat mengenai isu-isu terkini yang berlaku di dalam negara mahupun luar negara. Oleh itu apabila portal berita tersebut memuat naik berita ke dalam media sosial yang dicipta pastinya media sosial menyediakan ruangan komen untuk orang ramai memberi pendapat dan komen. Dengan itu, semua orang dapat berinteraksi dan berkomunikasi dengan cara memberi komen dan pendapat di ruangan komen yang disediakan oleh akaun media sosial bagi sesuatu portal berita tersebut. Contohnya Portal Berita yang mempunyai akaun media sosial adalah Astro Awani. Oleh itu, kepada penggemar setiap portal berita yang terdapat di Malaysia ini bolehlah layari laman web dan laman sosial yang dimiliki mereka untuk mengetahui serta mendapatkan maklumat terkini.